


JUHAR (dua, kanan) menerima cenderahati daripada Harun sambil diperhatikan oleh Kasim (kiri) dan Norlida (kanan) selepas merasmikan majlis itu.



JUHAR, Norlidah dan Harun (kanan) melihat seekor ular sawai yang dipamerkan.

UMS lahir modal insan setaraf luar negara

UB 18.10.2012 B1

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) yakin mampu melahirkan lebih ramai modal insan kelas pertama yang setaraf dengan graduan luar negara.

Timbalan Naib Canselor, Datuk Dr. Kasim Md Mansur, berkata UMS bukan sahaja melahirkan golongan intelektual malah menjadi platform kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah.

Katanya, hal itu terbukti apabila UMS telah melahirkan ramai modal insan cemerlang dari segi akademik dan kemahiran insaniah.

"Terbaru, pelajar UMS dalam program Student in Free Enterprise (SIFE UMS) telah terpilih mewakili Malaysia ke pertandingan World Cup di Washington D.C setelah menjadi johan peringkat kebangsaan pada akhir September lalu.

"Malah ketika di Washington, SIFE UMS juga berjaya meraih tempat ketiga dalam pertandingan berkumpulan sebelum layak ke pusingan akhir.

"Pertandingan yang bercirikan keushawanian ini juga memberikan peluang kepada para mahasiswa untuk mendalami ilmu dalam bidang perniagaan," katanya ketika Majlis Perasmian Pesta Tamu Gadang ke-14 UMS, kelmarin.

Majlis itu dilancarkan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Datuk Seri Panglima Hj Juhar Hj Mahiruddin dengan simbolik pelepasan 14 ekor merpati dan belon daripada pelajar UMS.

Program Pesta Konvo Tamu Gadang merupakan salah satu program terbesar universiti setiap kali konvokesyen UMS diadakan.

Menurut Kasim, Tamu Gadang pada 17 hingga 24 Oktober ini

amat istimewa kerana dikelolakan sepenuhnya oleh jawatankuasa pelajar dan dipantau oleh Jabatan Hal Ehawal Pelajar dengan kerjasama jabatan-jabatan lain di UMS.

"Sesungguhnya, penglibatan pelajar dalam mengerakkan program dan aktiviti kemahasiswaan adalah satu cara mendidik mahasiswa kearah kesimbangan antara akademik dan bukan akademik seperti keterampilan dan sahsiah diri pelajar berkenaan," katanya.

Beliau berkata melalui penerapan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat serta keterbukaan pemikiran dengan penuluh tanggungjawab dalam kalangan pelajar diharap dapat mencapai hasil kerja yang optimum dan berkualiti tinggi.

"Sudah pasti usaha dan kerjasama padu antara pelajar dan jabatan UMS sudah pasti akan diteladani masyarakat setempat melalui kesepakatan dan perpaduan yang ditunjukkan.

"Kesepadan seumpama inilah kita dapat melahirkan bangsa yang cemerlang dan mampu meneruskan kesinambungan kebijaksanaan tumpk kepimpinan negara dalam meneruskan keharmonian, kesejahteraan dan pembangunan masyarakat nusa dan bangsa," katanya.

Dalam pada itu, kira-kira 100 buah gerai dibuka pada tahun ini yang menampilkan pelbagai jenis gerai seperti gerai makanan dan minuman, buku, pakaian, cenderahati dan banyak lagi.

Turut hadir dalam majlis itu Toh Puan Datin Seri Panglima Norlidah Datuk R. M. Jasni, Kapten Kehormat merangkap Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah dan tetamu kehormat yang lain.



JUHAR (tengah) ketika melancarkan majlis Tamu Gadang UMS ke-14.